



PIBG Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik

八打灵公教国民型华文中学

Jalan 10/3, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel : 03-79565484 Fax : 03-79543236 E-mail : BEB8653@moe.edu.my

Rujukan : CHS.100-1/9/1 (30)

Tarikh : 21 Januari 2022

Ibu Bapa / Penjaga

Tuan / Puan,

JADUAL KEDATANGAN PELAJAR SETIAP TINGKATAN BULAN FEBRUARI 2022

Pada bulan Februari 2022, anak/ anak jagaan tuan/ puan perlu datang ke sekolah mengikut jadual seperti di bawah . Ada hari-hari yang anak/ anak jagaan tuan/ puan terpaksa direhatkan di rumah atas sebab:

- Kekurangan bilik darjah kerana bilik darjah telah digunakan untuk peperiksaan SPM/ STPM.
- Kekurangan guru kerana ramai guru terlibat dengan pengawasan peperiksaan SPM/ STPM.
- Menyediakan suasana yang kondusif untuk pelajar yang perlu menduduki peperiksaan SPM/ STPM.

(Sila rujuk SPI Bil.6 Tahun 2016 yang dilampirkan Bersama-sama surat ini)

KEDATANGAN PELAJAR SETIAP TINGKATAN SEPANJANG BULAN FEBRUARI 2022

TARIKH	HARI	TING.1	TING.2	TING.3	TING.4	TING.5	TING. 6 BAWAH	TING. 6 ATAS
7/2/22	ISNIN	REHAT	KUMP.A	KUMP. B	SEMUA	SEMUA	SEMUA	SEMUA
8/2/22	SELASA	REHAT	KUMP.A	REHAT	SEMUA	UJIAN BERTUTUR BM	SEMUA	SEMUA
9/2/22	RABU	REHAT	KUMP.A	REHAT	SEMUA	UJIAN BERTUTUR BM	SEMUA	SEMUA
10/2/22	KHAMIS	REHAT	KUMP.A	REHAT	SEMUA	UJIAN BERTUTUR BM	SEMUA	SEMUA
11/2/22	JUMAAT	REHAT	KUMP.A	KUMP. B	REHAT	SEMUA	SEMUA	SEMUA
TARIKH	HARI	TING.1	TING.2	TING.3	TING.4	TING.5	TING. 6 BAWAH	TING. 6 ATAS
14/2/22	ISNIN	KUMP. A	REHAT	KUMP. A	REHAT	SEMUA	STPM S1	STPM U1
15/2/22	SELASA	KUMP. A	REHAT	KUMP. A	REHAT	SEMUA	STPM S1	STPM U1
16/2/22	RABU	KUMP. A	REHAT	KUMP. A	REHAT	SEMUA	STPM S1	STPM U1
17/2/22	KHAMIS	KUMP. A	REHAT	KUMP. A	REHAT	SEMUA	STPM S1	STPM U1
18/2/22	JUMAAT	KUMP. A	REHAT	KUMP. A	SEMUA	SEMUA	SEMUA	SEMUA
TARIKH	HARI	TING.1	TING.2	TING.3	TING.4	TING.5	TING. 6 BAWAH	TING. 6 ATAS
21/2/22	ISNIN	REHAT	KUMP.B	REHAT	SEMUA	UJIAN MENDENGAR BM/BI	SEMUA	SEMUA
22/2/22	SELASA	KUMP.B	KUMP.B	KUMP.B	SEMUA	UJIAN BERTUTUR BI	SEMUA	SEMUA
23/2/22	RABU	KUMP.B	KUMP.B	KUMP.B	SEMUA	UJIAN BERTUTUR BI	SEMUA	SEMUA
24/2/22	KHAMIS	KUMP.B	KUMP.B	KUMP.B	SEMUA	UJIAN BERTUTUR BI	SEMUA	SEMUA
25/2/22	JUMAAT	KUMP.B	KUMP.B	KUMP.B	SEMUA	SEMUA	SEMUA	SEMUA

2. Anak/ anak jagaan tuan/ puan yang direhatkan di rumah masih perlu melaksanakan PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di rumah), PdPR adalah mengikut jadual waktu fizikal yang sedia ada sekarang dan kehadiran pelajar dalam talian masih direkod oleh guru mata pelajaran masing-masing.

3. Pihak sekolah berharap tuan/ puan dapat mengambil berat tentang hal ini dan memberi perhatian kepada anak/ anak jagaan yang direhatkan di rumah. Sila uruskan pengangkutan anak/ anak jagaan tuan/ puan berdasarkan jadual di atas.

4. Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,


MARGARET LIM PEI TEE PPT
Pengetua Cemerlang
SMJK Katholik, P.Jaya

2022年二月各班级上课通告

谨此通知全体家长/监护人，本校二月各班级将根据以上时间表到校上实体课。

以上的安排是因为学校课室不足，师资短缺及希望能让 SPM/STPM 考生安心应考，故让其他年级的学生分批留在家上网课。

敬请全体家长/监护人安排孩子的交通和关注孩子的网课情况。敬请垂注，先此致谢。

林佩谛校长 谨启



KP/KPPM/6 Jld.2 (23)
Tarikh: 30 Ogos 2016

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 6 TAHUN 2016**

CUTI PADA HARI-HARI PEPERIKSAAN AWAM / PENTAKSIRAN PUSAT

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan cuti bergilir yang boleh dilaksanakan oleh sekolah pada hari peperiksaan awam/pentaksiran pusat.

LATAR BELAKANG

2. Hari persekolahan di Malaysia adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggaj, Hari dan Cuti Sekolah) 1998. Di dalam peraturan ini dinyatakan secara jelas perkara yang berkaitan hari dan cuti persekolahan.

3. Walau bagaimanapun terdapat guru besar atau pengetua sekolah yang telah memberikan cuti kepada murid pada hari tertentu semasa peperiksaan awam/pentaksiran pusat dijalankan. Contohnya pada masa Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dijalankan, murid-murid yang tidak terlibat telah diberikan cuti oleh Guru Besar di sepanjang tempoh penilaian dijalankan.

4. Demikian juga di peringkat menengah terdapat sebilangan Pengetua yang telah memberikan cuti kepada murid yang tidak terlibat dengan peperiksaan

awam/pentaksiran pusat. Dalam hal ini Pengetua telah membenarkan murid diberi cuti secara bergilir di sepanjang tempoh peperiksaan awam/pentaksiran pusat tersebut dijalankan.

5. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Guru Besar mahupun Pengetua, murid diberi cuti pada hari berkaitan berdasarkan faktor berikut:

- i. Bagi sekolah yang tidak mempunyai dewan, kelas-kelas digunakan untuk kegunaan peperiksaan awam/pentaksiran pusat;
- ii. Membolehkan peperiksaan dijalankan dengan tenang tanpa gangguan daripada murid lain yang tidak menduduki peperiksaan awam/pentaksiran pusat tersebut; dan
- iii. Ramai guru diperlukan untuk mengawas peperiksaan awam/pentaksiran pusat di sekolah lain.

PELAKSANAAN

6. KPM melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5/1990, bertarikh 23 Ogos 1990 telah membenarkan cuti bergilir pada hari peperiksaan kepada murid yang tidak terlibat dengan peperiksaan tersebut. Walau bagaimanapun SPI tersebut hanya meliputi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) sahaja.

7. Berdasarkan faktor yang dinyatakan dalam perenggan 5, KPM berpandangan terdapat keperluan untuk pihak sekolah melaksanakan cuti secara bergilir. Sehubungan itu SPI ini hendaklah difahami seperti berikut:

- i. Hari-hari peperiksaan awam/pentaksiran pusat hendaklah dianggap sebagai hari persekolahan;
- ii. Murid selain daripada mereka yang menduduki peperiksaan awam/pentaksiran pusat, boleh dicutkan pada hari-hari peperiksaan awam/pentaksiran pusat dijalankan secara bergilir mengikut kelas atau Tahun/Tingkatan;

- iii. Bilangan kehadiran bagi murid yang dicutikan tidak diambil kira sebagai hari persekolahan murid tersebut.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

PEMANSUHAN


9. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5/1990: Cuti Pada Hari-hari Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) adalah dibatalkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Contoh Pengiraan Kehadiran Murid

Jumlah hari persekolahan	190 hari
Bilangan hari murid dicutikan kerana Peperiksaan Awam/Pentaksiran Pusat	2 hari
Jumlah hari persekolahan bagi murid dicutikan kerana Peperiksaan Awam/Pentaksiran Pusat	190 – 2 = 188 hari
Kehadiran murid* bagi murid dicutikan (sekiranya hadir penuh)	188/188

- * Kehadiran murid dalam buku kedatangan ditanda sebagai cuti bergilir.
- * Dalam e-kehadiran bagi murid yang dicutikan, **tidak perlu ditanda** hadir atau tidak hadir (Tidak perlu dikemas kini bagi hari cuti berganti tersebut).